

**Kedudukan Hadith *Da'if* dalam Keputusan *Baḥth al-Masā'il* Nahdatul Ulama: Satu Analisis Kritis**

***The Position of Weak Hadith in the Resolution of Baḥth al-Masā'il by Nahdatul Ulama: A Critical Analysis***

Faisal Ahmad Shah

Department of al-Qur'an and al-Hadith, Academy of Islamic Studies,  
University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia. faisalas@um.edu.my

Badaruddin Haba

Department of al-Qur'an and al-Hadith, Academy of Islamic Studies,  
University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia. udienhs@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol48no1.3>

**Abstract**

*Baḥth al-Masā'il is one of the religious discussion forums of the Nahdatul Ulama organization to respond to current issues that arise in people's lives. The decision of Baḥth al-Masā'il to be decided can be considered as a ruling that guides the members of Nahdatul Ulama. Hadith is the second major source after the Quran for the Nahdatul Ulama in establishing the law. This study aims to analyze the hadiths that NU argues to identify the quality and strength of its arguments. From the forty hadiths analyzed, there are five weak hadiths and one hadith 'ḍa'if jiddan' which all deal with the laws. This shows one weakness in arguing. Hopefully this study can contribute to NU to make improvements of the methodology of hadith arguing.*

**Keywords:** *weak hadith, Baḥth al-Masā'il, Nahdatul Ulama, methodology*

**Abstrak**

*Baḥth al-Masā'il adalah salah satu forum perbincangan keagamaan dalam organisasi Nahdatul Ulama untuk memberikan respons bagi persoalan semasa yang muncul dalam kehidupan masyarakat. Keputusan *Baḥth al-Masā'il* yang diputuskan dapat dianggap sebagai fatwa yang menjadi pedoman bagi warga Nahdatul Ulama. Hadith adalah sumber kedua terpenting selepas Al-Quran bagi Nahdatul Ulama dalam *istinbat* hukum. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis hadith-hadith yang dijadikan hujah oleh NU demi mengenal pasti kualiti dan kekuatan hujahnya. Dari empat puluh hadith yang telah dianalisis, didapati lima hadith *ḍa'if* dan satu hadith *ḍa'if jiddan* yang semuanya berkenaan dengan hukum-hakam. Ini menunjukkan satu kelemahan dalam berhujah. Kajian ini akan memberi sumbangan kepada NU untuk melakukan penambahbaikan dari sudut metodologi penghujahan hadith.*

**Kata kunci:** *hadith ḍa'if, Baḥth al-Masā'il, Nahdatul Ulama, metodologi*

## **Pendahuluan**

Nahdatul Ulama<sup>1</sup> adalah salah satu organisasi Islam terbesar di Indonesia yang memainkan peranan untuk menyelesaikan dan menjawab permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam khususnya warga Nahdatul Ulama dengan melalui satu proses *ijtihad jama'i* yang dinamakan *Baḥth al-Masā'il*. Kegiatan *Baḥth al-Masā'il* ini sudah ada sebelum wujudnya organisasi Nahdatul Ulama lagi, kemudian ianya berterusan diadakan setelah terbinanya organisasi Nahdatul Ulama hingga ke masa kini. *Baḥth al-Masā'il* atau NU kali pertamanya secara rasmi telah diadakan oleh NU pada muktamar di Surabaya pada tahun 1926. Bermula dari penubuhannya, NU telah berjaya mengadakan 33 kali muktamar, muktamar yang ke-33 diadakan di Jawa Timur pada tahun 2015. Di antara agenda utama setiap kali diadakan Muktamar adalah membahaskan pelbagai masalah yang dihadapi oleh masyarakat khususnya warga NU melalui satu kegiatan atau forum *Baḥth al-Masā'il* yang diikuti oleh ulama-ulama dari warga Nahdatul Ulama.

Meskipun dalam anggaran dasar (*Qanun Asasi*) Nahdatul Ulama ditegaskan bahawa Nahdatul Ulama berpandukan kepada Al-Quran dan *al-Sunnah*,<sup>2</sup> dan keputusan muktamar NU di Lampung pada tahun 1992 yang menetapkan metode *manhaji*<sup>3</sup> untuk digunakan dalam sistem pengambilan keputusan hukum bagi NU, namun dalam aplikasi fatwanya, Nahdatul Ulama lebih banyak merujuk kepada pandangan-pandangan ulama mazhab sebagaimana yang termaktub dalam karya-karya mereka. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa fatwa yang berhujah dengan hadith, namun *Lajnah Baḥth al-Masā'il* NU tidak mengambil berat mengenai sumber dan kualiti hadithnya sehingga penulis merasa perlu menjalankan kajian demi mengenal pasti darjah hadith yang dijadikan hujah oleh NU dalam fatwanya.

---

<sup>1</sup> Ejaan asal adalah Nahdlatul Ulama atau nama singkatannya adalah NU. Lihat PBNU, *Anggaran Dasar NU dalam Hasil-hasil Muktamar ke-33 NU* (cet. ke 2, Jakarta: LTN NU, 2015), 25.

<sup>2</sup> PBNU, *Anggaran Dasar NU dalam Hasil-hasil Muktamar ke-33 NU*, 38.

<sup>3</sup> Metode *Manhaji* ialah mengikuti manhaj dan kaedah penetapan hukum yang telah disusun oleh imam mazhab. Lihat PBNU, *Ahkamul Fuqaha'*: Solusi Problematika Aktual Hukum Islam Keputusan Muktamar, Munas dan Konbes Nahdlatul Ulama" (1926-1999) (Surabaya: LTN NU Jawa Timur dan Diantama, 2004), 470.

Dalam hal ini, penulis menganalisis hadith-hadith yang menjadi rujukan fatwa NU, sama ada hadith tersebut dirujuk secara langsung dari sumber asalnya ataupun hadith tersebut merupakan bahagian dari teks kitab. Kajian ini menyoroti penghujahan hadith dalam Keputusan *Baḥth al-Masā'il* NU dan tidak mempertikaikan status hukum yang telah diputuskan.

### **Pengenalan Nahdatul Ulama**

Nahdatul Ulama secara rasminya diasaskan pada 31 Januari 1926 di Surabaya oleh sekumpulan ulama yang dipelopori oleh KH. Hasyim Asy'ari<sup>4</sup> dan KH. Wahab Hasbullah.<sup>5</sup> Kedua-dua tokoh ulama ini memiliki peranan penting dalam merumuskan pertubuhan organisasi NU. Pada tahun 1927 tujuan organisasi NU baru boleh dirumuskan dan pedoman asasnya pada tanggal 5 September 1929 dan kemudian diperakui oleh pemerintah Hindia Belanda pada Februari 1930.<sup>6</sup>

Kelahiran NU merupakan reaksi atas gerakan pembaharuan Islam yang berlaku di Indonesia pada awal abad ke-20 yang dipelopori oleh pertubuhan Muhammadiyah dan di dunia Islam pada umumnya, khususnya gerakan Salafi di Saudi Arabia. Ketika itu, penguasa Hijaz merancang untuk menyebarkan fahaman salafi

---

<sup>4</sup> Nama penuhnya adalah KH. Muhammad Hasyim Asya'ri. Beliau dilahirkan pada 10 April 1875, bersamaan 24 Zulkaedah 1287 H di Desa Gedang, Kecamatan Diawek, Kabupaten Jombang, Jawa Timur. Beliau wafat pada 25 Julai 1947 dan dikebumikan di Tebu Ireng, Jombang. Merupakan anak ketiga dari sebelas adik beradik dari pasangan Kyai Asya'ri dan Halimah yang merupakan pengerusi sebuah Pesantren di Jombang. Dalam perjalanan rehlah ilmu, KH. Hasyim Asy'ari pernah pergi ke Mekkah dan berguru dengan salah satu syeikh di Mekah bersama dengan KH. Ahmad Dahlan, Pendiri Muhammadiyah. Lihat Abuddin Nata, *Tokoh-tokoh Pembaharuan Pendidikan Islam di Indonesia* (Jakarta: Raja Grafindo Persada, 2005), 113, Latiful Kholuq, *Kebangunan Ulama "Biografi KH. Hasyim Asy'ari"* (Yogyakarta: LKiS, 2000), 17.

<sup>5</sup> KH. Wahab Hasbullah lahir pada 1888 Masihi di Tambak Beras, Jombang, Jawa Timur. KH. Wahab Hasbullah aktif dalam merintis pergerakan Islam, antaranya pembentukan Syarikat Islam (SI) Cabang Makkah. Setelah tiba di tanah air, beliau bersama Kiai Mas Mansur membentuk Nahdlatul Wathan yang merupakan jambatan terbentuknya organisasi Islam yang lebih besar iaitu Nahdlatul Ulama (NU). Lihat Djohan Efendi, *Pembaruan Tanpa Membongkar Tradisi* (Jakarta: Penerbit Buku Kompas, 2010), 98-100.

<sup>6</sup> Masykur Hasyim, *Merakit Negeri Berserakan* (Surabaya: Yayasan 95, 2002), 66 .

di Mekah, serta hendak menghancurkan semua peninggalan sejarah Islam yang selama ini banyak diziarahi dan dianggap sebagai amalan bid'ah. Gagasan ini mendapat sambutan dari kaum pembaharu di Indonesia, sama ada di kalangan Muhammadiyah di pimpinan Ahmad Dahlan, mahupun PSII di bawah pimpinan H.O.S Cokroaminoto.

Sebaliknya kalangan ulama pondok tradisional menolak pembatasan mazhab dan penghancuran warisan peradaban tersebut. Akibatnya, mereka dikeluarkan dari anggota Kongres *al-Islam* di Yogyakarta pada tahun 1925 dan tidak dilibatkan sebagai delegasi dalam *Mu'tamar al-'Alam al-Islami* di Mekah. Bagi menentukan delegasi yang akan dihantar mengikuti Mukhtamar tersebut, golongan pembaharu mengadakan pertemuan di Bandung bagi memilih dua tokoh delegasi, iaitu KH. Mas Mansur dari Muhammadiyah dan H.O.S Cokroaminoto dari Syarikat Islam.<sup>7</sup>

Merasa kecewa dengan keputusan tersebut sebab inspirasi kalangan tradisional tidak dilibatkan maka KH. Wahab Hasbullah mengadakan beberapa pertemuan dengan kalangan ulama pondok sehingga akhirnya membentuk jawatankuasa khas dalam satu pertemuan di Surabaya pada 31 Januari 1926. Jawatankuasa ini menghasilkan beberapa keputusan, di antaranya ialah membentuk satu organisasi yang bernama NU (Nahdatul Ulama).<sup>8</sup>

### **Pengenalan *Bahth al-Masā'il Nahdatul Ulama***

*Bahth al-Masā'il* adalah salah satu forum diskusi keagamaan dalam organisasi Nahdatul Ulama untuk memberikan solusi serta fatwa bagi persoalan semasa yang muncul dalam kehidupan masyarakat. Melalui forum ini, ulama NU aktif mengadakan pembahasan mengenai persoalan tersebut dengan berusaha secara optimum untuk memecahkan kebuntuan hukum Islam akibat dari perkembangan sosial masyarakat yang berterusan tanpa had, sementara secara tekstual, tidak terdapat sumber rujukannya dalam Al-Quran dan al-Sunnah, ataupun ada tetapi hanya dinyatakan secara umum.

---

<sup>7</sup> Nur Khalik Ridwan, *NU dan Bangsa 1914-2010: Penguatan Politik dan Kekuasaan* (Yogyakarta: Ar-Ruzz Media, 2010), 43-44. Lihat Khoirul Fathoni, Muhammad Zen, *NU Pasca Khittah Prospek Ukhuwa dengan Muhammadiyah* (Yogyakarta: Media Widya Mandala, 1992), 9.

<sup>8</sup> Khoirul, *NU Pasca Khittah*, 21.

Forum *Baḥṡh al-Masā'il* ini telah pun ada sebelum Nahdatul Ulama ditubuhkan. Ketika itu sudah ada tradisi diskusi di kalangan pesantren yang melibatkan kiai dan santri yang hasilnya diterbitkan dalam buletin LINO (*Lailatul Ijtima' Nahdlatul Oelama*).<sup>9</sup> Buletin LINO tersebut, selain menerbitkan Keputusan *Baḥṡh al-Masā'il* juga menjadi media untuk diskusi interaktif jarak jauh di kalangan para ulama. Seorang kiai menulis kemudian ditanggapi kiai lain, begitu seterusnya.

Apabila ditinjau dari latar belakang penubuhannya dan dari Anggaran Dasar NU, maka didapati bahawa latar belakang munculnya *Baḥṡh al-Masā'il* adalah adanya keperluan masyarakat akan hukum Islam praktis ('*amali*) bagi kehidupan sehari-hari yang mendorong para ulama dan intelektual NU untuk mencari solusinya dengan melakukan *Baḥṡh al-Masā'il*. Apabila diteliti dari keputusan-keputusannya, dapat diketahui bahawa *Baḥṡh al-Masā'il* pertama, secara rasminya telah dilaksanakan oleh NU di Surabaya pada 21 Oktober 1926 M, Jawa Timur, beberapa bulan setelah penubuhan Nahdatul Ulama.<sup>10</sup>

Istilah *Lajnah Baḥṡh al-Masā'il* tidak muncul sejak pertama kali dalam lembaga pemecahan masalah keagamaan yang dilakukan NU. Meskipun kegiatan *Baḥṡh al-Masā'il* telah ada sejak Muktamar NU pertama, namun kegiatan pembahasan masalah-masalah keagamaan tersebut secara formal belum mempunyai nama. Bahkan, hingga akhir tahun 80 an, *Lajnah Baḥṡh al-Masā'il* yang dibentuk secara formal dan disahkan oleh Pengurus Besar Nahdatul Ulama (PBNU) juga belum lagi terkenal. Nama lajnah tersebut baru muncul dalam muktamar Nahdatul Ulama XXVIII di Yogyakarta tahun 1989, komisi I (*Baḥṡh al-Masā'il*) mencadangkan kepada PBNU untuk membentuk "*Lajnah Baḥṡh al-Masā'il al-Diniyah*" (lembaga pengkajian masalah-masalah keagamaan) sebagai lembaga khas

---

<sup>9</sup> Sahal Mahfudh, *Baḥṡhul Masail dan Istinbat Hukum NU: Sebuah catatan Pendek*, dalam "H.M. Jamaluddin Miri (ter.), *Ahkamul Fuqaha'*, vii.

<sup>10</sup> *Baḥṡh al-Masail* yang pertama ini telah membahaskan 27 permasalahan *waqi'iyah*. Lihat LTN NU, Keputusan Muktamar NU ke-1 dalam *Solusi Problematika Aktual Hukum Islam: Keputusan Muktamar, Munas, dan Konber NU (1926-1999)* (cet. ke 2, Surabaya: Diantama, 2005), 1.

menangani persoalan keagamaan.<sup>11</sup> Keputusan-keputusan yang dihasilkan oleh Forum *Bahth al-Masā'il* ini adalah merupakan fatwa rasmi di kalangan NU.

### **Hadith dalam Keputusan *Bahth al-Masā'il* Nahdatul Ulama**

Semenjak berdirinya Nahdatul Ulama pada 1926, telah pun diadakan Mukhtamar NU sebanyak 33 kali dan beberapa kali Musyawarah Nasional (Munas) dan Konferensi Besar (Konbes). Setiap kali agenda besar ini diadakan, NU akan mengadakan forum *Bahth al-Masā'il* yang dibimbing oleh *Lajnah Bahth al-Masā'il*. Dari semasa ke semasa, kegiatan *Bahth al-Masā'il* ini mengalami perkembangan dari aspek metodologi istinbat hukum dan penghujahan hadith nabi.

Sebagaimana telah dijelaskan sebelumnya bahawa NU menganut sistem bermazhab dan konsisten menjawab semua persoalan hukum yang dihadapinya dengan cara merujuk kepada kitab-kitab empat mazhab, terutamanya dari mazhab Syafi'i. Namun bukan bermakna NU mengabaikan rujukan Al-Quran dan al-Hadith sama sekali. NU tetap merujuk kepada keduanya dalam keputusan *Bahth al-Masā'il* dengan metode dan kekerapan yang bervariasi. Kekerapan penggunaan hadith dalam fatwa yang ditetapkan oleh NU dalam Mukhtamar NU ke-1 hingga Mukhtamar ke-33 dan beberapa Musyawarah Nasional serta Konferensi Besar, dapat dibahagikan kepada tiga fasa berdasarkan tahun dikeluarkan fatwa-fatwa tersebut:

#### **Fasa Pertama: Keputusan 1926-1992**

Dalam fasa pertama ini, NU telah mengadakan 28 kali Mukhtamar, 3 kali Konferensi Besar, dan 5 kali musyawarah nasional. Kegiatan *Bahth al-Masā'il* dalam fasa ini hanya membahaskan masalah-masalah *waqi'iyah*, yakni masalah aktual semasa yang dihadapi masyarakat. *Lajnah Bahth al-Masā'il* akan menjawab persoalan tersebut dengan merujuk kepada pandangan ulama melalui kitab-kitab empat mazhab. Kekerapan penggunaan hadith sebagai hujah belum mendapat tempat yang signifikan memandangkan komitmen ulama NU untuk menerapkan sistem

---

<sup>11</sup> Ahmad Zahro, "Lajnah Bahth al-Masail Nahdatul Ulama", 1926 – 1999: Telaah Kritis Terhadap Keputusan Hukum Fiqih" (Tesis kedoktoran, IAIN Sunan Kalijaga: Yogyakarta, 2001), 61-62.

bermazhab amat kuat. Walaupun demikian, terdapat beberapa fatwa yang berhujah dengan hadith, namun, kebanyakan hadith tersebut adalah bahagian dari *aqwāl* ulama dalam kitab yang dirujuk.

Kekerapan penggunaan hadith dalam fasa ini dapat dilihat pada jadual berikut:

Jadual 1: Kekerapan penggunaan hadith dalam fatwa NU tahun 1926-1992

Bil.	Program	Tahun	Jumlah masalah	Jumlah hadith	Keterangan
1	Muktamar ke-1	1926	27	7	Hadith dalam kitab
2	Muktamar ke-2	1927	9	3	Hadith dalam kitab
3	Muktamar ke-3	1928	12	2	Hadith dalam kitab
4	Muktamar ke-4	1929	26	-	-
5	Muktamar ke-5	1930	23	5	2 Hadith langsung 3 Hadith kitab
6	Muktamar ke-6	1931	11	-	-
7	Muktamar ke-7	1932	11	-	-
8	Muktamar ke-8	1933	15	2	1 Hadith langsung 1 Hadith kitab
9	Muktamar ke-9	1934	12	1	Hadith dalam kitab
10	Muktamar ke-10	1935	25	1	Hadith dalam kitab
11	Muktamar ke-11	1936	15	1	Hadith dalam kitab
12	Muktamar ke-12	1937	18	1	Hadith dalam kitab
13	Muktamar ke-13	1938	22	3	Hadith dalam kitab
14	Muktamar ke-14	1939	21	6	Hadith dalam kitab
15	Muktamar ke-15	1940	13	2	Hadith dalam kitab
16	Muktamar ke-16	1946	5	1	Hadith dalam kitab
17	Muktamar ke-20	1954	5	-	-
18	Konferensi Besar	1957	2	2	Hadith dalam kitab
19	Konferensi Besar	1960	19	-	-
20	Konferensi Besar	1961	7	6	Hadith dalam kitab
21	Munas	1961	1	1	Hadith dalam kitab
22	Muktamar ke-23	1962	6	2	Hadith dalam kitab
23	Muktamar ke-25	1971	9	1	Hadith dalam kitab
24	Muktamar ke-26	1979	6	4	Hadith dalam kitab
25	Munas	1981	11	4	Hadith dalam kitab
26	Munas	1983	6	1	Hadith dalam kitab
27	Muktamar ke-27	1984	16	2	Hadith dalam kitab
28	Munas	1987	8	3	2 Hadith kitab 1 Hadith langsung

Bil.	Program	Tahun	Jumlah masalah	Jumlah hadith	Keterangan
29	Muktamar ke-28	1989	23	6	Hadith dalam kitab
30	Munas	1992	1	-	-
Jumlah keseluruhan			395	67	63 Hadith kitab 4 Hadith langsung

Sumber: *Ahkām al-Fuqahā'*: Solusi Problematika Aktual Hukum Islam, Keputusan Muktamar, Munas dan Konbes NU (1926-1999).<sup>12</sup>

Berdasarkan jadual di atas, didapati bahawa jumlah persoalan yang telah dibahaskan dalam fasa tahun 1926 - 1992 ialah sebanyak 395 masalah dengan rujukan hadith sebanyak 67 hadith, 63 hadith adalah merupakan bahagian dari pandangan ulama yang terdapat dalam kitab yang menjadi sumber rujukan fatwa. Manakala 4 hadith daripadanya adalah merujuk secara langsung kitab-kitab primer hadith. Didapati juga bahawa terdapat enam kali program besar NU, yakni 4 kali Muktamar, 1 kali Musyawarah Besar dan 1 kali Konferensi Besar dengan jumlah persoalan sebanyak 73 masalah, satu pun fatwa atau masalah tidak merujuk kepada hadith Nabi SAW. Ini menunjukkan bahawa penggunaan hadith dalam fasa ini tidak begitu mengambil tempat yang signifikan. Hal ini disebabkan kerana ulama NU lebih banyak mengutamakan sistem bermazhab dengan bergantung kepada pandangan ulama-ulama terdahulu.

Contoh keputusan *Baḥṡh al-Masā'il* dalam fasa ini adalah masalah wali mujbir mengahwinkan anak gadisnya yang sudah dewasa. Soalan: Bolehkah seorang wali mujbir memaksa anak gadisnya yang sudah dewasa untuk dikahwinkan dengan pemuda yang sekufu tetapi ia menolaknya sedang dia mempunyai pilihan pemuda yang lain? Jawapan: boleh tapi makruh, asalkan tidak ada kemungkinan akan timbul bahaya. Keterangan: dalam kitab *al-Bujayrimī 'alā al-Iqnā'* juz 3:

أَمَّا مُجْبِرٌ كَرَاهِيَتَهَا مِنْ غَيْرِ ضَرَرٍ فَلَا يُؤْتَرُ لَكِنْ يُكْرَهُ لِوَالِيهَا أَنْ يُزَوِّجَهَا بِهِ كَمَا نَصَّ عَلَيْهِ فِي الْأَمِّ وَيُسْنُ اسْتِئْذَانُ الْبِكْرِ إِذَا كَانَتْ مُكَلَّفَةً لِحَدِيثِ مُسْلِمٍ: وَالْبِكْرُ يَسْتَأْمِرُهَا أَبُوهَا وَهُوَ مَحْمُولٌ عَلَى النَّدْبِ تَطْيِيبًا لِخَاطِرِهَا. اهـ. (البجيرمي على الإقناع).

<sup>12</sup> Dari keseluruhan 28 Muktamar yang telah diadakan oleh NU dalam fasa ini, ada 6 Muktamar NU yang tidak dijumpai keputusannya, iaitu Muktamar yang ke-17, 18, 19, 21, 22 dan Muktamar ke-24.



Terjemahan: Adapun sekadar ketidaksukaan seorang wanita tanpa ada perkara yang membahayakan maka ianya tidak berpengaruh (terhadap kesahan perkahwinan), tetapi dimakruhkan bagi walinya untuk mengahwinkannya sebagaimana yang ditegaskan dalam kitab *al-Umm*. Disunatkan meminta keizinan kepada wanita yang perawan jika sudah dewasa berdasarkan hadith riwayat Muslim: “*Seorang ayah hendaklah meminta persetujuan anaknya yang masih perawan*”. Hadith ini difahami sebagai sunnah demi menghargai perasaannya.<sup>13</sup>

### Fasa Kedua: Keputusan 1994-1999

Pada Awalnya, Lembaga *Baḥth al-Masā'il* hanya membahaskan masalah *waqi'iyah* sebagaimana yang berlaku pada fasa pertama, tetapi setelah Musyawarah Nasional NU yang diadakan di Lampung pada tahun 1992, dalam kegiatan *Baḥth al-Masā'il* ditambahkan pembahasan tentang masalah *mawdu'iyah* (tematik, pemikiran), iaitu membahaskan hukum Islam secara tematik. Kekerapan penghujahan hadith dalam fasa ini juga mengalami perkembangan yang baik di mana penghujahan hadith sudah sering diterapkan dalam membahaskan persoalan-persoalan yang berbangkit. Untuk lebih jelasnya, dapat dilihat dalam jadual berikut:

Jadual 2: Kekerapan penggunaan hadith dalam keputusan NU tahun 1994-1999

Bil.	Program	Tahun	Jumlah masalah	Jumlah hadith	Keterangan
1	Muktamarke-29	1994	9 <i>waqi'</i> 3 <i>mawdu'</i>	11	Hadith dalam kitab
2	Munas	1997	13 <i>waqi'</i> 4 <i>mawdu'</i>	18	7 Hadith kitab 11 Hadith langsung
3	Muktamar ke-30	1999	10 <i>waqi'</i> 6 <i>mawdu'</i>	11	3 Hadith kitab 8 Hadith langsung
Jumlah keseluruhan			45	40	21 Hadith kitab 19 Hadith langsung

Sumber: *Aḥkām al-Fuqahā'*, NU (1926-1999).

<sup>13</sup> Fatwa ini berhujah kepada hadith yang merupakan bahagian teks dari kitab al-Bujayrimi tanpa menjelaskan darjah hadith tersebut dan sumbernya dari kitab hadith. Lihat: Keputusan Muktamar NU ke-5, Tahun 1930, masalah 86, dalam “*Aḥkām al-Fuqahā'*”, 82.

Berdasarkan jadual di atas, didapati bahawa kekerapan penghujahan hadith dalam fasa ini mengalami kemajuan di bandingkan dengan fasa sebelumnya, namun hadith tersebut kebanyakannya diambil dari kitab rujukan fatwa bukan dari sumber primer hadith. Dalam tiga kali kegiatan besar NU di atas, telah dibahaskan 45 masalah dengan penghujahan hadith sebanyak 40 hadith, 21 hadith di antaranya merupakan bahagian dari kitab rujukan dan 19 hadith adalah merupakan rujukan langsung kepada kitab sumber/ primer hadith. Ini menunjukkan adanya perkembangan dari semasa ke semasa dari segi penghujahan hadith.

Contoh keputusan NU dalam fasa ini adalah masalah *bay' al-inah* iaitu jual beli barang yang berasal dari hutang kepada pemberi hutang, seperti A berhutang suatu barang kepada B, dengan harga RM100,000.00 setelah menerima barang itu, A menjual barang tersebut kepada B dengan harga RM75,000.00. Soalan: Bagaimana hukum menjual barang yang berasal dari berhutang kepada yang memberinya hutang (*bay' al-'Inah*)? Jawapan: Imam al-Syafi'i dan ulama mazhab berpendapat bahawa hukum *bay' al-inah* itu sah, namun makruh *tanzih*. Manakala Imam Abu Hanifah, Imam Malik dan Imam Ahmad bin Hanbal tidak mengharuskannya.

Dasar pengambilan hukum ini merujuk kepada *al-Mīzān al-Kubrā* (2: 70),<sup>14</sup> *al-Anwār* (2: 229),<sup>15</sup> dan hadith Abū Dāwūd dari Abū Hurayrah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا تَبَايَعْتُمْ بِالْعَيْنَةِ وَأَخَذْتُمْ أَذْنَابَ الْبَقَرِ وَرَضَيْتُمْ بِالزَّرْعِ وَتَرَكْتُمُ الْجِهَادَ سَلَّطَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ ذُلًّا لَا يَنْزِعُهُ حَتَّى تَرْجِعُوا إِلَى دِينِكُمْ.

Terjemahan: “jika kalian melakukan jual beli secara *'inah*, mengambil ekor lembu, reda dengan pertanian dan meninggalkan jihad, maka Allah SWT akan menimpakan

<sup>14</sup> Kitab ini menjelaskan bahawa al-Shāfi'i berpendapat, *bay' al-'inah* hukumnya sah tetapi makruh. Namun begitu, menurut pandangan Imam Abu Hanifah, Malik dan Ahmad jual beli tersebut adalah tidak sah.

<sup>15</sup> Kitab ini menjelaskan jual beli *'inah* tidak termasuk hal-hal yang dilarang, diharamkan ataupun dimakruhkan jika tidak dijadikan kebiasaan. Jual beli *'Inah* itu adalah seseorang menjual sesuatu secara bertempoh dan pembeli menerimanya kemudian penjual menjual membelinya kembali dari pembeli secara tunai dengan harga yang lebih murah.

kehinaan terhadap kalian yang tidak akan dicabutnya sampai kalian kembali ke agama kalian.<sup>16</sup>

### Fasa Ketiga: Keputusan 2002-2015

Istinbat hukum dalam NU selama ini tidak dimaksudkan sebagai menetapkan hukum secara langsung bersumber dari Al-Quran dan al-Hadith, sebab yang sanggup melakukan perkara tersebut dengan sempurna ialah para ulama mujtahid. *Istinbat* hukum dalam NU bermaksud menetapkan hukum melalui kajian mendalam terhadap pandangan-pandangan ulama dalam kitab-kitab muktamad, terutamanya kitab-kitab dalam mazhab Syafi'i. Dalam Musyawarah Nasional NU di Lampung yang diadakan pada tahun 1992, ulama NU merumuskan perkembangan penting dalam sistem *istinbat* hukum. Ketika itu mulai diperkenalkan metode *ijtihad manhaji* meskipun belum sepenuhnya dapat diaplikasikan dalam *Baḥth al-Masā'il*. Maka dalam fasa ini iaitu sejak taun 2002-2015 didapati banyak perkembangan, iaitu sejumlah ayat Al-Quran dan *al-hadith* dijadikan hujah dalam setiap fatwa atau keputusan *Baḥth al-Masā'il*.

Kekerapan penghujahan hadith dalam fasa ini lebih banyak dibandingkan fasa sebelumnya. Untuk lebih jelasnya, penulis menjelaskan kekerapan penghujahan hadith dalam bentuk jadual sebagaimana berikut:

Jadual 3: Kekerapan penggunaan hadith dalam fatwa NU tahun 2001-2015

Bil.	Program	Tahun	Jumlah masalah	Jumlah hadith	Keterangan
1	Munas	2002	5 <i>waqi'</i> 4 <i>mawdu'</i>	8	Hadith dalam kitab
2	Muktamar ke-31	2004	4 <i>waqi'</i> 3 <i>mawdu'</i>	8	Hadith secara langsung
3	Munas - Julai	2006	5 <i>waqi'</i> 5 <i>mawdu'</i> 4 <i>qanun</i>	9	1 Hadith kitab 8 Hadith langsung
4	Munas - Ogos	2006	5 <i>waqi'</i>	11	4 Hadith kitab 7 Hadith langsung

<sup>16</sup> Keputusan *Baḥth al-Masā'il* Munas NU 1997 dalam "*Aḥkām al-Fuqahā'*", 532-533.

Bil.	Program	Tahun	Jumlah masalah	Jumlah hadith	Keterangan
5	Muktamar ke-32	2010	8 <i>waqi'</i> 6 <i>mawdu'</i> 10 <i>qanun</i>	30	23 Hadith kitab 7 Hadith langsung
6	Muktamar ke-33	2015	7 <i>waqi'</i> 5 <i>mawdu'</i> 7 <i>qanun</i>	64	19 Hadith kitab 45 Hadith langsung
Jumlah keseluruhan			78	130	55 Hadith kitab 75 Hadith langsung

Sumber: *Aḥkām al-Fuqahā'*: Solusi Problematika Aktual Hukum Islam, Keputusan Muktamar, Munas dan Konbes NU (1926-1999); Keputusan Muktamar NU ke-32; Keputusan Muktamar NU ke-33.

Berdasarkan jadual di atas, didapati bahawa proses *istinbat* hukum dalam NU mengalami banyak kemajuan. Persoalan-persoalan yang dibahaskan bukan hanya persoalan *waqi'iyah* dan *mawdu'iyah* bahkan ditambah lagi dengan persoalan *qanūniyyah* (undang-undang). Kemajuan tersebut dapat juga dilihat dari penghujahan hadithnya di mana fatwa diputuskan telah banyak merujuk kepada hadith Nabi. Dalam enam kali program besar NU di atas, 78 masalah yang telah dibincangkan dan diputuskan fatwanya dengan berhujah kepada 130 hadith, 55 hadith daripadanya adalah merupakan bahagian daripada kitab rujukan, manakala 75 hadith lagi adalah merujuk secara langsung kepada kitab primer hadith. Meskipun demikian, masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu dibaiki pada masa hadapan. Di antaranya, hadith-hadith yang dikemukakan sebagai hujah tidak dijelaskan status atau darjatnya, sama ada hadith tersebut dapat diterima atau pun tidak. Begitu juga dari segi penyusunan rujukan, di mana dalam beberapa rujukan fatwa, kadang didahulukan *aqwal* ulama daripada hadith. Sepatutnya, didahulukan ayat Al-Quran jika ada, kemudian hadith Nabi, barulah *aqwal* ulama.

Contoh fatwa diputuskan pada fasa ini adalah masalah penetapan nasab berdasarkan ujian DNA. Soalan: Apakah ujian DNA dapat dimanfaatkan untuk dasar hukum dalam *ilḥaq al-nasab*? Jawapan: Boleh untuk menafikan *ilḥaq al-nasab*, namun belum tentu boleh untuk menentukan *ilḥaq al-nasab*. Dasar pengambilan hukum ini merujuk kepada hadith:

عَنْ عَائِشَةَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا - أَنَّهَا قَالَتْ اخْتَصَمَ سَعْدُ بْنُ أَبِي وَقَّاصٍ وَعَبْدُ بْنُ زَمْعَةَ فِي غُلَامٍ، فَقَالَ سَعْدٌ هَذَا يَا رَسُولَ اللَّهِ ابْنُ أُخِي عُتْبَةَ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ، عَهْدَ إِلَيَّ أَنَّهُ ابْنُهُ، أَنْظِرْ إِلَيَّ شَبَّهٍ. وَقَالَ عَبْدُ بْنُ زَمْعَةَ هَذَا أُخِي يَا رَسُولَ اللَّهِ وُلِدَ عَلَيَّ فِرَاشٍ أَبِي مِنْ وَلِيدَتِهِ. فَتَنَظَّرَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - إِلَى شَبَّهٍ، فَرَأَى شَبَّهًا بَيْنًا بِعُتْبَةَ، فَقَالَ: هُوَ لَكَ يَا عَبْدُ، الْوَلَدُ لِلْفِرَاشِ وَلِلْعَاهِرِ الْحُجْرُ وَاحْتَجَّجِي مِنْهُ يَا سَوْدَةَ بِنْتُ زَمْعَةَ. فَلَمْ تَرَهُ سَوْدَةَ قَطُّ.

Terjemahan: Daripada Aisyah r.a ia berkata: “Sa‘ad bin Abī Waqas dan ‘Abd bin Zam’ah berselisih tentang seorang anak lelaki. Kata Sa‘ad: “Ya Rasulullah, ini anak saudara lelaki saya ‘Utbah bin Abī Waqas, dia telah berjanji kepada saya bahawa dia anaknya, lihat kemiripan anak ini!. ‘Abd bin Zam’a berkata: anak ini adalah saudara lelaki saya wahai Rasulullah, dia dilahirkan dari hubungan badan ayahku dan hamba sahayanya. Maka Rasulullah SAW meneliti kemiripannya, maka baginda melihat sangat mirip dengan ‘Utbah. Lalu baginda bersabda: “Anak ini saudaramu wahai ‘Abd, seorang anak adalah milik orang yang telah berhubungan badan di atas tempat tidur, manakala yang berzina akan mendapatkan kerugian. Pakailah tirai darinya wahai Saudah binti Zam’ah, maka Saudah tidak pernah lagi melihat anak itu.” (riwayat al-Bukhārī).<sup>17</sup>

### **Kehujahan Hadith *Da‘īf***

Hadith *da‘īf* ialah hadith yang tidak memenuhi kriteria hadith yang *maqbul* (diterima), iaitu hadith *ṣahīḥ* (sama ada *ṣahīḥ li dhātih* atau *ṣahīḥ li ghayrih*) dan hadith *ḥasan* (sama ada *ḥasan li dhātih* atau *ḥasan li ghayrih*).<sup>18</sup> Hadith *da‘īf* terbahagi kepada dua bahagian pertama; hadith *da‘īf* yang disebabkan oleh ketidakadilan perawi seperti berdusta, berbuat kefasikan dan sebagainya. Hadith

<sup>17</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Buyū’, Bāb Sira’ al-Mamluk min al-Ḥarbi, no. Hadith 2105. Lihat Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, *Ṣahīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1987), 2:773. Fatwa ini juga merujuk hadith riwayat al-Tirmidhī, Kitāb al-Walā’ wa al-Iba, Kitāb al-Qāfah, no. hadith 2276 & 2277. Lihat Muḥammad ibn ‘Isā al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidī* (Kaherah: Maṭba‘at Muṣṭafā al-Bābi al-Ḥalabī, 1975), 4: 440.

<sup>18</sup> Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawāwī* (Riyadh: Maktabah al-Riyadh al-Hadīthiyyah, t.t.), 1: 179.

*Ḍa'īf* dalam kategori ini tidak akan naik darjatnya kepada *ḥasan li ghayrih* meskipun banyak jalur yang menyokongnya. Kedua, hadith *Ḍa'īf* disebabkan kerana kelemahan pada hafazan seperti lupa, sering salah, buruk hafazannya dan sebagainya. Hadith *Ḍa'īf* dalam kategori kedua ini, akan meningkat darjatnya kepada *ḥasan li ghayrih* apabila banyak jalur riwayat lain yang menyokongnya.<sup>19</sup>

Ulama berbeza pandangan mengenai hukum penghujahan hadith *Ḍa'īf*. Setidaknya ada tiga pandangan iaitu pandangan pertama mengatakan bahawa hadith *Ḍa'īf* tidak dapat digunakan sebagai hujah secara mutlak, sama ada dalam perkara *fadā'il a'māl* mahupun hukum hakam. Ini adalah pandangan Abū Bakar bin al-'Arabī, al-Bukhārī, Muslim, dan Ibn Ḥazm. Pandangan kedua menyatakan bahawa hadith *Ḍa'īf* boleh dijadikan hujah dan diamalkan secara mutlak. Ini adalah pandangan Abū Dāwūd dan Aḥmad bin Ḥanbal yang menganggap bahawa hadith *Ḍa'īf* lebih kuat daripada pendapat ulama. Pandangan yang ketiga adalah pandangan majoriti, mengatakan bahawa hadith *Ḍa'īf* hanya boleh dijadikan hujah pada perkara *fadā'il al-a'māl*, nasihat-nasihat keagamaan atau seumpamanya, apabila terpenuhi beberapa syarat, iaitu pertama; hadith *Ḍa'īf* tersebut tidak terlalu *Ḍa'īf*. Kedua, hendaklah hadith *Ḍa'īf* tersebut termasuk di dalam asal (Al-Quran, al-Hadith, Ijma' dan Qiyas) yang umum. Ketiga, ketika beramal dengannya, hendaklah tidak menyandarkannya kepada Nabi SAW, tetapi amalan tersebut hanyalah sebagai jalan berhati-hati (*al-ihṭiyāṭ*).<sup>20</sup> Keempat, hadith *Ḍa'īf* tersebut berkenaan dengan topik kelebihan atau keutamaan amalan. Kelima, tidak bertentangan dengan hadith *ṣaḥīḥ*. Keenam, tidak meyakini bahawa amalan tersebut adalah sunnah.<sup>21</sup>

Pandangan majoriti ini adalah pandangan yang kuat di mana hadith *Ḍa'īf* hanya dapat diamalkan dan dijadikan hujah kepada perkara berkenaan dengan keutamaan satu amalan, bukan yang berkaitan dengan hukum-hakam syariat. Hadith *Ḍa'īf* yang boleh dijadikan hujah adalah hadith *Ḍa'īf* yang memenuhi syarat-syarat

<sup>19</sup> Muḥammad 'Ajjāj al-Khātib, *Uṣūl al-Ḥadīth*, 230-231.

<sup>20</sup> Muḥammad 'Ajjāj al-Khātib, *Uṣūl al-Ḥadīth*, 231-232.

<sup>21</sup> Di antara ulama yang berpandangan dengan pandangan yang ketiga ini ialah Ṣufyān al-Thawrī, 'Abd Allāh ibn al-Mubārak, Ṣufyān bin 'Uyaynah, Ibn Qudāmah, al-Nawāwī, Jalāl al-Dīn al-Suyuti, Ibn Kathīr dan lain-lain lagi. Lihat 'Abd al-Karīm bin 'Abd Allāh al-Khuḍayr, *al-Ḥadīth al-Ḍa'īf wa Ḥukm al-Iḥṭiyāj bih* (Riyadh: Dār al-Muslim, 1997), 275-276.

di atas. Apabila hadith *da'if* ini disokong oleh banyak jalur, maka darjatnya naik kepada taraf hadith *hasan li ghayrih*.

### **Hadith *Da'if* dalam Keputusan *Baḥth al-Masā'il* Nahdatul Ulama**

Penulis telah menjalankan kajian terhadap hadith-hadith yang menjadi hujah dalam keputusan Nahdatul Ulama yang ditetapkan sejak tahun 1994-1999, di mana dalam masa lima tahun tersebut telah diadakan dua kali Muktamar Nahdatul Ulama iaitu Muktamar ke-29 yang diadakan pada tahun 1994, Muktamar ke-30 yang diadakan pada tahun 1999 dan satu kali Musyawarah Nasional pada tahun 1997. Kajian ini hanya memfokuskan aspek kedudukan hadith yang dipilih untuk disemak semula, dan bukan kepada hukum fatwa yang diputuskan oleh NU. Seperti telah dinyatakan di atas, apabila hadith *da'if* disokong oleh banyak jalur, maka darjatnya naik kepada taraf hadith *hasan li ghayrih*. Sudut sama ada hadith *da'if* yang disemak di sini disokong oleh hujah lain atau tidak, tidak berada dalam skop semakan ini. Justeru, kedudukan hadith yang dibincangkan di sini tidak semestinya memberi apa-apa kesan kepada hukum yang telah ditetapkan.

Dari empat puluh hadith yang dianalisis dalam kajian ini, didapati lima hadith yang kualiti *da'if* dan satu hadith *da'if jiddan*. Hadith-hadith tersebut adalah sebagai berikut:

#### Hadith Pertama:

مَا مِنْ ذَنْبٍ بَعْدَ الشِّرْكِ أَعْظَمَ عِنْدَ اللَّهِ مِنْ نُطْفَةٍ وَضَعَهَا رَجُلٌ فِي رَحِمِ لَا يَحِلُّ لَهُ.

Terjemahan: “Tiada dosa yang paling besar disisi Allah selepas dosa syirik dibandingkan seseorang yang menaruh spermanya di dalam rahim yang tidak halal baginya.”<sup>22</sup>

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Abī al-Dunyā dan dikutip juga oleh Ibn Kathīr dalam tafsirnya, dan Ibn al-Jawzī dalam *Dhamm al-Hawā* tanpa memberikan komentar mengenai darjat hadith ini.<sup>23</sup> Setidaknya ada tiga kecacatan dalam sanad hadith ini sehingga dinilai sebagai hadith *da'if*. Pertama; hadith ini diriwayatkan secara *mursal* di mana al-Haythām<sup>24</sup> adalah seorang

<sup>22</sup> PBNU, *Aḥkām al-Fuqahā*, 490.

<sup>23</sup> Ibn Abī al-Dunyā, *al-Warā*, 94.

<sup>24</sup> Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Taqrīb al-Taḥdhīb*, 578, “no. entri 7376”.

*tabi'in* yang meriwayatkan secara langsung kepada Nabi SAW. Kedua; seorang perawi yang bernama Baqiyyah bin al-Wālid yang dinilai oleh Ibn Hajar al-'Asqalānī sebagai perawi yang *kathīr al-tadlīs* (banyak mentadlis)<sup>25</sup>. Ketiga; seorang perawi yang bernama Abū Bakr bin 'Abd Allāh bin Abī Maryam adalah *da'if* menurut Ibn Hajar.<sup>26</sup>

Hadith ini dikutip oleh NU sebagai hujah bagi fatwa NU dalam masalah menitipkan sperma (air benih) suami ke rahim perempuan lain (bukan isterinya) sebab pasangan suami isteri ini tidak dikurniakan zuriat kerana ada masalah pada rahim isteri. Apakah hukum tindakan tersebut? NU memutuskan bahawa perbuatan ini tidak sah dan hukumnya haram. Hadith di atas, tidaklah dirujuk secara langsung kepada sumber primer hadith, tetapi kepada kitab tafsir Ibn Kathīr. Ibn Kathīr tidak menjelaskan sumber asal dan darjah hadith ini, NU juga tidak mengkaji dan tidak memberi komentar tentang status hadith ini. Memandangkan masalah ini adalah masalah hukum-hakam syariat (bukan *faḍā'il a'māl*) yang sepatutnya ber-*istidlal* kepada hadith yang kuat atau yang diterima, maka hujahan NU kepada hadith *da'if* di atas adalah satu kelemahan dalam berhujah dari aspek hadith. Walaupun demikian, kelemahan dalil dari hadith ini tidaklah membatalkan keharaman hukum di atas, sebab ada dalil lain dari hadith *ṣaḥīḥ* yang dijadikan hujah dalam perkara ini.

Hadith Kedua:

مَنْ اسْتَأْجَرَ أَجِيرًا فَلْيُعَلِّمَهُ بِأَجْرِهِ.

Terjemahan: “Barang siapa yang menyewa buruh, maka hendaklah ia memaklumkan kepadanya upahnya.”<sup>27</sup>

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Ḥanīfah dalam *Musnad*-nya.<sup>28</sup> Diriwayatkan juga oleh Ibn Abī Shaybah dalam *Musannaf*-nya.<sup>29</sup> Dan Ibn Khuzaymah dalam *Ṣaḥīḥ*-nya.<sup>30</sup> Semua perawinya

<sup>25</sup> Ibn Hajar al-'Asqalānī, *Taqrīb al-Taḥdhīb*, 126, “no. entri 734”.

<sup>26</sup> Ibn Hajar, *Taqrīb*, 623, “no. entri 7974”.

<sup>27</sup> Al-Tarablūsī, *Mawāhib al-Jalīl*, 7: 507; PBNU, *Aḥkām al-Fuqahā'*, 506.

<sup>28</sup> Abū Nu'aym Aḥmad bin 'Abd Allāh al-Aṣbahānī, *Musnad al-Imām Abū Ḥanīfah*, 89.

<sup>29</sup> 'Abd Allāh bin Muḥammad bin Abū Shaybah al-Kūfī, *Musannaf Ibn Abī Sahybah*, 11: 96-97.

<sup>30</sup> Muḥammad bin Ishāq bin Khuzaymah al-Naysabūrī, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, 8: 235.



hadith ini adalah *thiqah* kecuali Ḥammad bin Sulaymān. Menurut Ibn Ḥajar menilai beliau adalah *Ṣadūq kathīr awḥām* dan dituduh sebagai *murji'ah*.<sup>31</sup> Ibrāhīm<sup>32</sup> pula adalah perawi yang tidak pernah meriwayatkan hadith daripada sahabat secara langsung, jadi riwayat di atas adalah terputus sehingga menambah lagi kelemahan hadith ini.

Hadith di atas pada asalnya adalah bahagian daripada kitab yang dijadikan rujukan fatwa yakni, kitab *Mawāhib al-Jalīl*. Jadi hadith ini tidak dirujuk secara langsung kepada sumber primer hadith. Hadith ini dijadikan hujah kepada fatwa mengenai upah pekerja syarikat pengelola tebu yang tidak jelas, sebab upahnya diambil dari hasil pekerjaan. Upahnya diambil dari hasil penjualan tebu yang dikelola oleh pekerja, maka akad tersebut adalah batil.

Hadith ini dijadikan dalil kepada satu hukum dan bukan berkenaan dengan *faḍā'il al-a'māl*. Dengan demikian, penghujahan dari aspek hadith dalam fatwa ini adalah lemah. Seperti mana dalam kebanyakan fatwanya, NU dalam perkara ini, menggunakan metode *qawli*, yakni merujuk kepada pandangan-pandangan ulama dalam menjawab atau memutuskan satu perkara hukum.

#### Hadith Ketiga:

مَلْعُونٌ مَنْ ضَارَّ مُسْلِمًا أَوْ غَيْرَهُ.

Terjemahan: “Terlaknat orang yang melakukan tindakan kerosakan terhadap sesama Muslim ataupun lainnya.”<sup>33</sup>

Hadith ini dengan lafaz di atas diriwayatkan oleh al-Bayhāqī dalam kitab *Shu'ayb al-Īman*<sup>34</sup> dan al-Tirmidhī dalam *Sunan-nya*.<sup>35</sup> Dalam sanad al-Bayhāqī ada perawi *ḍa'īf* iaitu Jābir al-Ju'fī.<sup>36</sup> Dalam sanad al-Tirmidhī pula, terdapat dua perawi yang

<sup>31</sup> Ibn Ḥajar, *Taqrīb*, 178, “no. entri 1500”.

<sup>32</sup> Ibn Ḥajar, *Taqrīb al-Tahdhīb*, 95, “no. entri 270”; al-Mizzi, *Tahdhīb al-Kamāl*, 2: 233-240.

<sup>33</sup> Abū Yūsuf, *al-Kharaj*, 99; PBNU, *Aḥkām al-Fuqahā'*, 516.

<sup>34</sup> Abū Bakar al-Bayhāqī, *Shu'ayb al-Īman*, 11: 83.

<sup>35</sup> Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 4:332.

<sup>36</sup> Ibn Ḥajar, *Taqrīb al-Tahdhīb*, 137, “no entri 878”.

lemah iaitu Abū Salmah al-Kindī<sup>37</sup> dan Farqad al-Sabakhī<sup>38</sup>. Dengan demikian hadith ini adalah *da'if*<sup>39</sup>.

Hadith ini menjadi hujah bagi fatwa NU mengenai keharaman segala perbuatan atau tindakan yang mencemarkan alam sekitar sebab ianya memudaratkan bukan hanya kepada manusia tetapi juga kepada makhluk hidup yang lain. Seperti sebelumnya hadith ini juga dirujuk tidak secara langsung kepada sumber asalnya tetapi kepada kitab yang dirujuk oleh NU iaitu kitab *al-Kharaj* karya Abū Yūsuf. Didapati kelemahan dalam penghujahan dengan hadith ini sebab kualitasnya adalah *da'if*, di mana hadith *da'if* tidak dapat dijadikan hujah dalam perkara hukum. Namun, kedaifan hadith ini tidak membatalkan hukum di atas, sebab selain *qawl* ulama, NU juga merujuk kepada ayat Al-Quran surah al-A'raf ayat 56 dan Āli 'Imrān ayat 104.

#### Hadith Keempat:

تَنَاجَوْا تَكْتُمُوا فَإِنِّي أَبَاهِي بِكُمْ الْأُمَّمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

Terjemahan: “Menikahlah kalian dan perbanyaklah keturunan, sesungguhnya pada hari kiamat aku akan bangga menjadi umat yang terbesar dengan (banyaknya keturunan) kalian.”<sup>40</sup>

Abū Bakar ‘Abd al-Razzāq meriwayatkan hadith ini dalam *Musannafnya*.<sup>41</sup> Dalam riwayat ini terdapat perawi yang lemah iaitu Abū al-‘Ibād Hishām bin Sa‘īd al-Madānī al-Qurāshī. Menurut Ibn Hajar, beliau adalah *ṣāduq lahu awham* dan dituduh pengikut Syi’ah.<sup>42</sup> Sa‘īd bin Abu Hilal meriwayatkan hadith ini secara *mursal*, beliau tidak pernah berjumpa Nabi SAW<sup>43</sup> sehingga hadith ini adalah *da'if*.

Hadith ini menjadi hujah bagi fatwa NU mengenai hukum pengklonan genetik tanaman, haiwan dan manusia. NU memfatwakan bahawa pengklonan genetik tanaman dan haiwan adalah boleh sebab terdapat kemaslahatan padanya. Manakala

<sup>37</sup> Ibn Hajar, *Taqrib al-Tahdhīb*, 1156; al-Dhahabī, *Mīzān al-I’tidāl*, 5: 72.

<sup>38</sup> Ibn Hajar, *Taqrib al-Tahdhīb*, 444.

<sup>39</sup> Menurut al-Tirmidhī, hadith ini *gharib* dan al-Albānī menyenaraikannya dalam *Silsilah al-Ḍu‘afā’ wa al-Mawḍū‘at*.

<sup>40</sup> PBNU, *Aḥkām al-Fuqahā’*, 547..

<sup>41</sup> ‘Abd al-Razzāq bin Hamam al-Ṣan‘ānī, *Muṣannaf ‘Abd al-Razzāq*, 6: 173.

<sup>42</sup> Ibn Hajar, *Taqrib al-Tahdhīb*, 1021, “no. entri 7294”.

<sup>43</sup> Al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl*, 11: 94-96.

pengklonan genetik manusia hukumnya haram sebab proses *tanāsul* (berketurunan) mestilah melalui perkahwinan yang sah.

Perkahwinan adalah satu hukum syariat yang mestinya disokong oleh dalil yang dapat diterima (*maqbul*). Penggunaan hadith *da'if* dalam masalah ini adalah satu kelemahan dalam berhujah di mana sepatutnya hadith digunakan sebagai hujah dalam perkara hukum adalah yang *maqbul* (*ṣahīḥ* dan *ḥasan*). Walau bagaimanapun, keharaman pengklonan manusia ini tetap kuat sebab disokong oleh hujah dari ayat Al-Quran surah Mukminun ayat 7 dan *ṣahīḥ* yang lainnya.

Hadith Kelima:

الْجَنَّةُ تَحْتَ أَقْدَامِ الْأُمَّهَاتِ.

Terjemahan: “Syurga berada di bawah tapak kaki ibu.”<sup>44</sup>

Hadith ini diriwayatkan al-Quda’i dalam *Musnad al-Shihāb*.<sup>45</sup> Menurut al-‘Ajlūnī dalam *Kashf al-Khafa’*, dalam sanad ini terdapat dua perawi yang tidak dikenali iaitu Manṣūr bin al-Muhājir dan Abū al-Nadr al-Abar sehingga hadith dapat dinilai sebagai hadith *da'if*.<sup>46</sup> Mar’ī bin Yūsuf al-Karamī<sup>47</sup> dan al-Albānī menghukum hadith ini sebagai hadith *da'if*.<sup>48</sup>

Hadith ini dijadikan hujah dalam fatwa NU dengan merujuk langsung kepada teks hadith tanpa menyatakan sanad dan sumbernya serta darjatnya. Hadith ini dijadikan hujah bagi masalah tematik mengenai kedudukan wanita dalam Islam dimana wanita memiliki kedudukan yang mulia dalam Islam sama dengan lelaki. Dalam masalah ini NU menerapkan metode *manhajī* dan *bayānī* dengan merujuk secara langsung kepada Al-Quran dan hadith Nabi SAW. Hadith di atas bukanlah dalam hal menjelaskan tentang keutamaan-keutamaan satu amalan tetapi berkaitan dengan hukum, maka penghujahan dengan hadith ini satu kekurangan dan kelemahan dalam fatwa. Meskipun begitu, kemuliaan dan ketinggian kedudukan wanita dalam Islam tidak dapat dimungkirkan lagi berdasarkan kepada ayat-ayat Al-Quran seperti dalam surah Ghāfir ayat 40, surah Āli ‘Imrān ayat 195, surah al-Nahl ayat 97,

<sup>44</sup> PBNU, *Aḥkām al-Fuqā’*, 624.

<sup>45</sup> Al-Qudā’ī, *Musnad al-Shihāb*, 102.

<sup>46</sup> Al-‘Ajlūnī, *Kashf al-Khafa’*, 1: 383.

<sup>47</sup> Mar’ī bin Yūsuf al-Karamī, *Fawā’id al-Mawḍū‘iyyah*, 120.

<sup>48</sup> Al-Albānī, *Da’if al-Jāmi’ al-Ṣaghīr wa Ziyādatuh*, 394.

surah al-Aḥzab ayat 35 dan hadith-hadith *ṣaḥīḥ* yang lainnya, di antaranya ialah hadith *ḥasan* yang diriwayatkan oleh Mu‘awiyah bin Jahimah, ia berkata:

يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَرَدْتُ الْعَزْوَ وَجِئْتُكَ أَسْتَشِيرُكَ فَقَالَ: هَلْ لَكَ مِنْ أُمٍّ؟ قَالَ: نَعَمْ.  
فَقَالَ: الرِّمْمَةُ فَإِنَّ الْحِنَّةَ عِنْدَ رِجْلِهَا.

Terjemahan: Wahai Rasulullah, aku hendak pergi berperang, maksud kedatanganku adalah untuk memohon pandangan kepada baginda, maka beliau bertanya: “Masih adakah ibumu? Ia menjawab: iya, Rasulullah bersabda: Sentiasalah kamu bersama ibu, sebab syurga berada pada kakinya. (HR. Ahmad).<sup>49</sup>

#### Hadith Keenam:

النَّاسُ سَوَابِيَةٌ كَأَسْنَانِ الْمُشْطِ.

Terjemahan: “Manusia itu sama dan setara bagaikan gigi sisir/sikat.”<sup>50</sup>

Hadith di atas dengan lafaz yang sama, hanya didapati dalam kitab *Juz Mā Rāwah Abū al-Zubayr*.<sup>51</sup> Dalam sanad ini, terdapat perawi yang *majhūl* dan amat *ḍa‘īf*. Muhammad bin ‘Umārah bin Subayh dan Maymūn bin ‘Amr al-Baṣrī adalah *majhūl al-ḥāl* (tidak diketahui keadaannya), Manakala Sahl bin ‘Amīr al-Bajlī adalah *ḍa‘īf jiddan*. Menurut Ibn Ḥajr, Sahl bin ‘Amīr adalah *munkar al-ḥadīth* dan menurut Abū Ḥātim, beliau adalah pendusta.<sup>52</sup> Al-Quḍā‘ī juga meriwayatkan hadith ini.<sup>53</sup> Dalam sanad al-Quḍā‘ī terdapat perawi yang amat lemah iaitu al-Musayyab bin Wadih. Ibn Ḥibbān dan Ibn Ḥajar berkata bahawa beliau telah berbuat banyak kesalahan (*kāna yukhti’ kathīran*).<sup>54</sup>

Dengan demikian, kualiti hadith ini adalah *ḍa‘īf jiddan*. Hadith ini dirujuk secara langsung kepada teksnya (bukan

<sup>49</sup> Hadith riwayat Aḥmad, Musnad Mu‘awiyah bin Jahimah, no. hadith 15538. Menurut pentahqīq Shu‘ayb al-Arnaut, darjat hadith ini *ḥasan*. Lihat: Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad Aḥmad*, 24: 299.

<sup>50</sup> PBNU, *Aḥkām al-Fuqahā’*, 625.

<sup>51</sup> ‘Abd Allāh bin Muḥammad al-Anṣārī al-Asbahānī, *al-Juz’ fī Ḥadīth Abū al-Zubayr*, 64.

<sup>52</sup> Ibn Ḥajar, *Lisān al-Mīzān*, 3: 119; ‘Abd Allāh bin ‘Adī al-Jurjānī, *al-Kāmil fī Du‘afā’ al-Rijāl*, 3: 442.

<sup>53</sup> Al-Quḍā‘ī, *Musnad al-Shihāb*, 1: 145.

<sup>54</sup> Muḥammad bin Ḥibbān al-Tamīmī, *al-Thiqāt*, 9: 204; al-Dhahabī, *Mīzān al-I‘tidal*, 6: 431; Ibn Ḥajar, *Lisān al-Mīzān*, 6: 40.

bahagian dari kitab) tanpa dinyatakan sumbernya dan darjatnya. Teks hadith ini juga dijadikan hujah bagi masalah tematik mengenai kedudukan wanita dalam Islam. Disebabkan kerana kualiti hadith ini adalah *ḍa'īf jiddan*, maka menurut majoriti ulama, hadith ini tidak dapat dijadikan hujah, sama ada dalam perkara kelebihan amalan mahupun dalam hukum syarak. Kedudukan wanita adalah mulia, bukan dengan hadith ini, tetapi berdasarkan kepada ayat-ayat Al-Quran dan hadith *ṣaḥīḥ* yang lain.

### Penutup

Dari paparan yang telah dijelaskan di atas, dapat disimpulkan bahawa hadith yang termasuk dalam hujah oleh NU, ada beberapa di antaranya yang berstatus *ḍa'īf*, bahkan *ḍa'īf jiddan*. Walau bagaimanapun, pemerhatian ini hanya merujuk kepada kedudukan hadith tersebut, tanpa mengambil kira sama ada dalam hujah dan perbincangan hukum tersebut, ada hujah lain yang turut dikemukakan. Dari empat puluh hadith yang dianalisis, terdapat sebanyak 5 hadith (12 %) adalah hadith *ḍa'īf* dan satu hadith di antaranya berdarjat *ḍa'īf jiddan* (3%). Punca kelemahan hadith ini adalah ke-*ḍa'īf*-an perawi dan terputusnya sanad, bahkan ada perawi yang hadithnya mungkar dan tertuduh sebagai pendusta. Enam hadith tersebut tidak boleh dijadikan hujah mengikut pandangan jumhur ulama. Ini kerana semuanya berkenaan dengan hukum-hakam dan bukan berkaitan dengan *fadā'il al-a'māl* (keutamaan-keutamaan amalan).

Dengan demikian, enam hadith tersebut masuk dalam kategori hadith *mardūd* (yang tidak diterima sebagai hujah). Meskipun hadith tersebut di atas *ḍa'īf*, terdapat dalil dari ayat Al-Quran dan hadith *ṣaḥīḥ* lainnya yang dapat menguatkan fatwa NU.

Hadith *ḍa'īf* ini sepatutnya tidak dijadikan hujah dalam sesebuah fatwa hukum, ia dapat diganti dengan dalil-dalil yang lebih kuat dan berautoriti. Maka penulis mencadangkan kepada pihak NU untuk mengkaji semula hujahan hadith yang terdapat di dalam Keputusan *Baḥṡ al-Masā'il* untuk mengelakkan penghujahan kepada dalil yang tidak berautoriti. Walau bagaimanapun, kebanyakan hadith yang menjadi hujah bagi NU dalam menetapkan fatwanya adalah hadith yang *maqbul* iaitu hadith *ṣaḥīḥ* dan *ḥasan* yang mencecah 32 hadith atau 79 % dari

keseluruhan hadith yang dianalisis dalam kajian ini. Kajian ini dapat menjadi bahan pertimbangan bagi organisasi NU, khususnya bagi Lembaga *Baḥth al-Masā'il* NU dalam menambah baiki metode dan aplikasi penghujahan hadith dalam keputusan *Baḥth al-Masā'il* hadith yang dijadikan hujah adalah hadith yang *maqbul*.

## Rujukan

- Abuddin Nata. *Tokoh-tokoh Pembaharuan Pendidikan Islam di Indonesia*. Jakarta: Raja Grafindo Persada, 2005.
- Ahmad Zahro. "Lajnah Baḥth al-Masail Nahdlatul Ulama', 1926 – 1999: Telaah Kritis Terhadap Keputusan Hukum Fiqih". Tesis kedoktoran, IAIN Sunan Kalijaga: Yogyakarta, 2001.
- Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1987.
- Al-Khuḍayr, 'Abd al-Karīm bin 'Abd Allāh. *Al-Ḥadīth al-Dā'if wa Ḥukm al-Iḥtijāj bih*. Riyadh: Dār al-Muslim, 1997.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn. *Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawāwī*. Riyadh: Maktabah al-Riyadh al-Hadīthiyyah, t.t.
- Djohan Efendi. *Pembaruan Tanpa Membongkar Tradisi*. Jakarta: Penerbit Buku Kompas, 2010.
- Khoirul Fathoni dan Muhammad Zen. *NU Pasca Khittah Prospek Ukhwa dengan Muammadiyah*. Yogyakarta: Media Widya Mandala, 1992.
- Latiful Khuluq. *Kebangunan Ulama "Biografi KH. Hasyim Asy'ari"*. Yogyakarta: LKiS, 2000.
- LTN NU. Keputusan Mukhtar NU ke-1 dalam *Solusi Problematika Aktual Hukum Islam: Keputusan Mukhtar, Munas, dan Konber NU (1926-1999)*. Cet. ke 2, Surabaya: Diantama, 2005.
- Masykur Hasyim. *Merakit Negeri Berserakan*. Surabaya: Yayasan 95, 2002.
- Muḥammad ibn 'Isā al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidī*. Kaherah: Maṭba'at Muṣṭafā al-Bāb al-Ḥalabī, 1975.
- Nur Khalik Ridwan. *NU dan Bangsa 1914-2010: Penguatan Politik dan Kekuasaan*. Yogyakarta: Ar-Ruzz Media, 2010.
- PBNU. *Ahkāmul Fuqahā'*: Solusi Problematika Aktual Hukum Islam Keputusan Mukhtar, Munas dan Konber Nahdlatul

- Ulama” (1926-1999). Surabaya: LTN NU Jawa Timur dan Diantama, 2004.
- PBNU. *Anggaran Dasar NU dalam Hasil-hasil Muktamar ke-33 NU*. Cet. ke 2, Jakarta: LTN NU, 2015.
- Sahal Mahfudh. *Bahthul Masail dan Istinbat Hukum NU: Sebuah catatan Pendek*, dalam “H.M. Jamaluddin Miri (ter.), *Ahkām al-Fuqahā*”, Solusi Problematika Aktual Hukum Islam Keputusan Muktamar, Munas dan Konbes Nahdlatul Ulama” (1926-1999). Surabaya: LTN NU Jawa Timur dan Diantama, 2004.

